

# APB Rembau e-Bulletin

e-ISSN: 2682-776X

Edition: 13/2024

## EDITORIAL BOARD

### PATRON

Prof. Dr. Yamin Yasin

### COORDINATOR

Nur Faathinah Mohammad Roshdan

### CHIEF EDITOR

Assoc. Prof. Dr. Soo Kum Yoke, Carolyn

### EDITORIAL COMMITTEE

Ooi Sing Ee

Khairon Nisa Shafeei

Shahrul Muhazad Shahrudin



**MAKSUD DOKUMEN RAHSIA RASMI,  
DOKUMEN RAHSIA BESAR, DOKUMEN  
RAHSIA, DOKUMEN SULIT, DAN  
DOKUMEN TERHAD**

*Ditulis oleh: Ahmad Azman Bin  
Mohamad Ramli*

Maksud dokumen rahsia rasmi, dokumen rahsia besar, dokumen rahsia, dokumen sulit dan dokumen terhad amat penting diketahui oleh setiap rakyat Malaysia. Hal ini disebabkan dengan mengetahui maksud dokumen-dokumen berharga tersebut, ia boleh membantu kita mengenali dan seterusnya mengurusnya dengan selamat, lancar dan berkesan. Oleh itu, kertas ini akan menerangkan maksud dokumen-dokumen tersebut secara ringkas satu persatu. Maksud-maksud tersebut diperolehi daripada Buku Arahan Keselamatan (Semakan dan Pindaan 2017), keluaran Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia.

**Maksud Dokumen**

Dokumen bermaksud sebarang jenis maklumat yang tersimpan dalam sebarang jenis media seperti media kertas, fotografi, peta, pelan, cakera padat dan sebagainya. Maklumat dalam media tersebut boleh berbentuk tulisan, gambar, suara, dan sebagainya.



**Gambar 1: Dokumen Kertas**

**Maksud rasmi**

Rasmi bermaksud sebarang urusan yang berhubungan dengan perkhidmatan awam.

**Maksud Dokumen Rahsia Rasmi**

Dokumen rahsia rasmi bermaksud sebarang dokumen yang dikelaskan sebagai "Rahsia Besar", "Rahsia", "Sulit" atau "Terhad" seperti yang ditetapkan oleh Menteri, Menteri Besar atau Ketua Menteri sesuatu Negeri atau mana-mana pegawai awam yang dilantik bawah Seksyen 2B Akta Rahsia Rasmi 1972 (Akta 88) atau apa-apa dokumen lain seperti yang ditetapkan oleh akta tersebut.

**Maksud Dokumen Rahsia Besar**

Maksud dokumen rahsia besar ialah sebarang dokumen rasmi yang jika didedahkan tanpa kebenaran akan menyebabkan kerosakan yang amat besar kepada Malaysia. Contoh ialah fail belanjawan negara, dokumen tentang strategi negara menghadapi perperangan,

dokumen tentang pertubuhan perisikan negara dan sebagainya.



**Gambar 2: Fail Rahsia Besar**

### **Maksud Dokumen Rahsia**

Maksud dokumen rahsia ialah sebarang dokumen rasmi yang jika didedahkan tanpa kebenaran akan membahayakan keselamatan Negara, menyebabkan kerosakan besar kepada kepentingan dan martabat Malaysia atau memberikan keuntungan besar kepada sesebuah kuasa asing. Contoh seperti surat-surat tentang pertubuhan subversif dan kegiatannya serta laporan tentang pemasangan-pemasangan tentera negara.

### **Maksud Dokumen Sulit**

Maksud dokumen sulit ialah sebarang dokumen rasmi yang jika didedahkan tanpa kebenaran walaupun tidak membahayakan keselamatan Negara tetapi memudaratkan kepentingan atau martabat Malaysia atau atau kegiatan Kerajaan atau orang perseorangan atau akan menyebabkan keadaan memalukan atau kesusahan

kepada pentadbiran atau akan menguntungkan sesebuah kuasa asing. Contohnya ialah laporan perisikan biasa, surat menyurat antara agensi kerajaan mengenai perkara-perkara dasar yang penting dan sebagainya.

### **Maksud Dokumen Terhad**

Maksud dokumen terhad ialah sebarang dokumen rasmi selain daripada yang diperangkatkan sebagai "Rahsia Besar", "Rahsia" atau "Sulit" tetapi berkehendakkan juga diberi satu tahap perlindungan keselamatan. Contoh ialah buku-buku arahan agensi kerajaan, surat perintah-perintah dan arahan-arahan biasa agensi kerajaan dan sebagainya.

### **Kesimpulan**

Kertas ini telah menerangkan secara ringkas maksud dokumen rahsia rasmi, dokumen rahsia besar, dokumen rahsia, dokumen sulit dan dokumen terhad. Diharap penerangan ringkas ini dapat membantu kita lebih mengenali dokumen-dokumen berharga tersebut dan seterusnya membantu kita mengurusnya dengan terbaik.